

Bot hilang ditemui di Thailand

Sinar Harian 8/3/2018 M/S 36

Bot bernilai hampir RM500,000 dikesan selepas 15 hari dilarikan

NURUL HUDA HUSAIN

BUKIT TUNGGAL

Selepas 15 hari mencari dan menanti, Wan Mustafa akhirnya dapat menarik nafas lega apabila bot miliknya yang bernilai hampir RM500,000 berjaya ditemui kembali Isnin lalu.

Menurut nelayan laut dalam itu lagi, bot kelas C itu ditemui pihak berkuasa

Thailand di kawasan muara sungai di Bangkok.

"Salah seorang rakan saya dari Thailand menghubungi saya dengan mengatakan bot milik saya telah ditemui kembali.

"Tiada kata-kata yang dapat saya gambarkan perasaan syukur. Sejurus itu saya menghubungi pihak berkuasa negara berkenaan untuk pengesahan dan dalam masa terdekat ini juga saya akan ke Bangkok.

"Saya jangka bot ini dapat dibawa pulang selewatnya sebelum hujung bulan ini kerana masih banyak proses perundungan dan pengesahan yang perlu dilakukan dengan pihak berkuasa Thailand," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, se-

info

- Bot kelas C ditemui pihak berkuasa

Thailand di muara sungai di Bangkok

malam.

Wan Mustafa berkata, dia juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang banyak membantu dalam usaha mencari botnya itu.

Sinar Harian 26 Februari lalu melaporkan seorang nelayan laut dalam berputih mata apabila bot bernilai RM450,000 miliknya hilang dipercayai dilarikan penjaga bot.



WAN MUSTAFA

Kejadian malang itu berlaku ketika mangsa, Wan Mustafa Wan Ahmad, dari Pulau Duyong, di sini, meninggalkan bot kelas C berkenaan di bawah jagaan seorang warga Thailand di salah sebuah pangkalan di Tok Bali, Kelantan.



Sinar
ONLINE

Bot nelayan bernilai RM450,000 lesap

Berita mengenai bot nelayan hilang disiarkan Sinar Harian Online.